



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 2/2015  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat Allah subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya jua kita dapat sama-sama memasuki tahun baru Masihi 2015 dengan penuh kesyukuran dan semangat yang tinggi untuk terus maju dalam apa jua usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Kesyukuran kita itu terbit daripada suasana aman dan makmur yang kita sama-sama nikmati dan pertahankan di Negara ini, dengan rahmat daripada Allah Subbahanahu Wataala jua dan dengan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Selaku nadi penggerak jentera Kerajaan dalam pembangunan socio-ekonomi bangsa dan negara, warga perkhidmatan awam perlu terus beriltizam dan berazam untuk meningkatkan keupayaan dan produktiviti Negara ketahap yang lebih memberangsangkan agar kita dapat menyumbang kepada usaha bagi memantapkan pertumbuhan ekonomi Negara. Kita juga akan meneruskan perjuangan untuk memperbaiki apa jua kelemahan dan membuat pembaharuan perkhidmatan awam yang terarah, bermula daripada perubahan minda dan sikap, agar kita lebih efisien, siap siaga, inovatif dan mempunyai tekad bagi melaksanakan program-program pembangunan Negara dengan lebih berjaya, kearah mencapai matlamat-matlamat Wawasan 2035.

Sepanjang tahun 2014, berbagai inisiatif kemajuan telah dapat dilaksanakan dengan baik, diterajui bersama oleh berbagai agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, meliputi aspek-aspek dasar, perundangan dan peraturan-peraturan dalam bidang keugamaan, pendidikan, perekonomian, sosial, keselamatan dan kesejahteraan. Pencapaian ini adalah hasil daripada perancangan yang rapi dan kerja keras warga perkhidmatan awam dengan dokongan padu berbagai pihak termasuk sector swasta, dan orang awam.

Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda menjelang awal tahun Masihi 2015 menyeru kepada kita semua untuk terus melipat-gandakan lagi usaha bagi mempertahankan keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini. Baginda juga menekankan agar kita tidak berlengah-lengah lagi dan mesti mempunyai sikap serta pemikiran yang lebih progresif kerana kita hanya mempunyai dua puluh (20) tahun sahaja lagi tempoh menuju sasaran Wawasan Negara itu. Baginda mengingatkan agar matlamat-matlamat strategic dikenalpasti dan penyediaan serta pelaksanaan strategi pelan-pelan tindakan jangka sederhana dan panjang perlulah disejajarkan bagi mengelakkan sebarang duplikasi dan memastikan setiap perancangan akan mendatangkan impak dan keberkesanan berganda dan optima.



Baginda juga bertitah betapa pentingnya meningkatkan produktiviti diperingkat sektor swasta mahupun sektor awam kearah meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dengan memfokuskan tumpuan kepada usaha mempelbagaikan ekonomi daripada banyak bergantung kepada Sektor Minyak dan Gas. Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi, sektor swasta dan sektor awam perlu terus berganding bahu memperkasakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi membantu usahawan-usahawan tempatan untuk lebih berkembang dan bersaing dalam pasaran di dalam mahupun di peringkat antarabangsa.

Kearah menyumbang kepada peningkatan produktiviti, selain berkait rapat dengan penajaan kapasiti dan penggunaan teknologi, produktiviti juga banyak bergantung kepada aspek tabiat dan disiplin semua peringkat.

Dalam hal ini, Baginda amat menekankan supaya pihak berwajib dalam penguatkuasaan akan dapat menangani perbuatan yang melanggar undang-undang, hukum ugama dan kes-kes jenayah, dengan lebih bersungguh-sungguh, tegas, konsisten, tangkas dan cekap sehingga dapat menumpaskan pesalah dan penjenayah.

Demi mencapai perubahan yang bermakna, warga perkhidmatan awam mestilah berusaha dengan lebih gigih, berfikiran positif, pro-aktif, berpandangan jauh dan inovatif, mensejajarkan pelaksanaan secara bersepadu, berani membuat keputusan, berintegriti, dinamik serta progresif dengan berpandukan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) bagi menghasilkan produktiviti dan kecemerlangan kerja yang berkualiti. Setiap anggota perkhidmatan awam perlu mengubah budaya kerja yang lebih cekap, effesyen, dan bertindak cepat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik. Mana-mana proses atau prosedur perkhidmatan yang memakan masa yang terlalu lama mestilah diperbaiki, mengurangkan '*red tape*' dan mempercepatkan penghasilan. Kita juga mestilah tangkas dalam melaksanakan peraturan-peraturan perkhidmatan awam yang sudah ada bagi meningkatkan disiplin dan kecekapan serta kualiti kerja yang tinggi.

Warga perkhidmatan awam, sektor swasta dan masyarakat hendaklah sama-sama mendokong matlamat-matlamat strategik yang digariskan oleh peneraju-peneraju dalam melaksanakan pelan-pelan tindakan untuk mencapai Wawasan 2035. Bagi menjayakan hasrat itu, kita semua hendaklah mengubah sikap kepada yang lebih rajin berusaha dan berdikari, menanamkan nilai-nilai disiplin yang terbaik dengan tidak lagi mengharap kepada pemberian atau masih meminta-minta dan mengharap pertolongan orang lain, dengan cara memperbaiki diri sendiri, meningkatkan sosio-ekonomi bangsa dan ekonomi Negara.





Kearah memperkemaskan usaha pembaharuan bagi tahun 2015, adalah menjadi tanggungjawab semua warga perkhidmatan awam untuk mempertingkatkan lagi usaha memudahcara pemberian perkhidmatan yang dapat memberikan kepuasan kepada orang ramai, di samping mengamalkan sikap kerja yang bersendikan nilai-nilai luhur dan hormat menghormati. Sebagai jentera kerajaan, perkhidmatan awam selain berani membuat perubahan berterusan, kita perlulah mengamalkan etika kerja yang jujur lagi amanah demi memelihara imej dan keutuhan perkhidmatan awam.

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri sukacita menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua lapisan warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di luar Negara, atas komitmen dan taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kepimpinan Baginda, khususnya dalam melaksanakan setiap dasar-dasar Negara dengan berkesan. Sumbangan dan sokongan tersebut merupakan dokongan yang amat berharga demi mencapai hasrat murni Baginda agar Negara Brunei Darussalam, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, akan sentiasa menjadi negara "Baldatun, Tayyibatun, Warabbun Ghafur", iaitu negara yang baik (aman makmur), yang mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengampun.

Selamat Tahun Baru 2015

**"MEMBANGUN NEGARA TANGGUNGJAWAB SEMUA"**

**[YAHYA BIN HAJI IDRIS]**

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (02)JPM/SK/2015  
Tarikh: 6 Rabiulakhir 1436  
27 Januari 2015